

PERLETAKAN JAWATAN

Meletak Jawatan [*Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 & PP Bil. 23/2009*]

- i. Pelepasan dengan izin adalah hanya untuk kakitangan yang memohon jawatan di Jabatan Kerajaan dan permohonan mestilah dibuat melalui Ketua Jabatan. Kelulusan pelepasan dengan izin adalah tertakluk kepada Universiti.
- ii. Kakitangan yang telah disahkan dalam perkhidmatan perlu memberi notis 90 hari atau sebulan gaji pokok sebagai pengganti notis.
- iii. Kakitangan yang belum disahkan dalam perkhidmatan perlu memberi notis 30 hari atau sebulan gaji pokok sebagai pengganti notis.
- iv. Kakitangan yang bertaraf sementara perlu memberi notis 30 hari atau sebulan gaji pokok sebagai pengganti notis.
- v. Ketua Jabatan boleh membenarkan tempoh notis peletakan jawatan mana-mana pegawai dipendekkan atas mana-mana sebab seperti yang termaktub di dalam **Perkara 53 Perintah Am Bab A**.